



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 28 Februari 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Pembangking saran kerajaan wujudkan jabatan warga emas</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/247245/berita/nasional/pembangking-saran-kerajaan-wujudkan-jabatan-warga-emas</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/02/27/wujudkan-jabatan-warga-emas/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Harakah daily</p>	Neutral
2	<p>Budak maut jatuh dari tingkat 14 hotel</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/940225/budak-maut-jatuh-dari-tingkat-14-hotel</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/kanak-kanak-12-tahun-maut-jatuh-dari-tingkat-14-hotel/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p>	Neutral

	<p>https://malaysiagazette.com/2023/02/27/kanak-kanak-12-tahun-maut-jatuh-dari-tingkap-hotel/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-maut-terjatuh-dari-tingkat-14-408355</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/656580</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/27/kanak-kanak-lelaki-maut-jatuh-dari-tingkat-14-bangunan</p> <p>https://ohbulan.com/kanak-kanak-lelaki-maut-dari-tingkat-14</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=_vk70uhhSiQ</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kanak-kanak-12-tahun-maut-terjatuh-dari-tingkap-hotel-PP10685802</p> <p>https://deasoka.com/2023/kanak-kanak-maut-jatuh-dari-tingkat-14/semasa/</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/02/27/kanak-kanak-maut-jatuh-hotel/</p> <p>https://kupikupifm.my/kanak-kanak-maut-jatuh-dari-tingkat-14-hotel/</p> <p>https://selangorkini.my/2023/02/kanak-kanak-lelaki-12-tahun-maut-terjatuh-dari-tingkat-14-hotel/</p> <p>https://siakapkei.my/2023/02/27/kanak-kanak-12-tahun-maut-terjatuh-dari-tingkap-hotel/</p> <p>https://www.borneotoday.net/kanak-kanak-maut-terjatuh-dari-tingkat-14-hotel/</p> <p>https://tvstv.my/2023/02/27/kanak-kanak-maut-jatuh-dari-tingkap-tingkat-14-bangunan/</p> <p>https://sarawakvoice.com/2023/02/27/kanak-kanak-12-tahun-maut-jatuh-tingkat-14-hotel/</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Astro Awani</p> <p>MalaysiaKini</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>OhBulan</p> <p>Youtube</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Deasoka</p> <p>Malaysia Post</p> <p>KupiKupi FM</p> <p>SelangorKini</p> <p>Siakap Keli</p> <p>Borneo Today</p> <p>TVSTV</p> <p>Sarawak Voice</p>	
3	Kaki wanita warga emas hancur digilis forklift		Neutral

	<p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/940469/kaki-wanita-warga-emas-hancur-digilis-forklift</p> <p>https://headtopics.com/my/kaki-wanita-warga-emas-hancur-digilis-forklift-harian-metro-35951191</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1070105/warga-emas-hilang-kedua-belah-kaki-digilis-forklift</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/28/digilis-forklift-warga-emas-hilang-dua-belah-kaki/</p> <p>https://ohbulan.com/kaki-wanita-warga-emas-hancur-digilis-forklift</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Head Topics</p> <p>Berita Harian</p> <p>Free Malaysia Today</p> <p>OhBulan</p>	
4	<p>Beri alasan keluar ambil wang sebelum tinggalkan bayi</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/940395/beri-alasan-keluar-ambil-wang-sebelum-tinggalkan-bayi</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-beri-alasan-mahu-ambil-wang-sebelum-tinggal-bayi/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
5	<p>Bayi 3 Bulan meninggal di Taska</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2159763</p>	<p>Bernamea</p>	Neutral
6	<p>18 wanita ditahan terbabit kegiatan ajaran sesat</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/18-wanita-ditahan-terbabit-kegiatan-ajaran-sesat/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jheains-tahan-18-wanita-terlibat-kegiatan-ajaran-sesat-408471</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1070071/jheains-tahan-18-wanita-terbabit-kegiatan-ajaran-sesat</p> <p>https://newswav.com/article/jheains-tahan-18-wanita-terlibat-kegiatan-ajaran-sesat-A2302_Uzoybr</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>NewsWav</p>	Neutral

7	<p>50,984 OKU berjaya dapat kerja</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/27/50984-oku-berjaya-dapat-kerja/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/seramai-50984-oku-berjaya-dapat-kerja/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Utusan</p>	<p>Neutral</p>
8	<p>Mula sebagai hobi, hasil tukang OKU kini jadi rebutan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1070004/mula-sebagai-hobi-hasil-tukangan-oku-kini-jadi-rebutan</p>	<p>Berita Harian</p>	<p>Neutral</p>

1. Budak maut jatuh dari tingkat 14 hotel

Juwan Riduan

am@hmetro.com.my



MAYAT kanak-kanak itu ditemukan di beranda di tingkat lima hotel berkenaan. FOTO Ihsan Bomba

Kota Kinabalu: kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun maut selepas dipercayai terjatuh dari tingkat 14 sebuah hotel di Jalan Karamunsing, di sini, pagi tadi.

Mangsa dipercayai terjatuh dari tingkap 14 ke beranda di tingkat lima bangunan hotel berkenaan.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 6.44 pagi.

Katanya, sepasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Kinabalu bersama Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dihantar ke lokasi kejadian.

"Sebaik tiba di lokasi, mangsa kanak-kanak ditemukan terjatuh dari tingkap di tingkat 14 ke beranda tingkat empat bangunan hotel berkenaan.

"Pasukan bomba kemudian menjalankan operasi membawa turun mangsa," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Menurutnya, mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Mayat mangsa seterusnya diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

"Operasi ditamatkan pada 7.54 pagi," katanya.

2. Kaki wanita warga emas hancur digilis forklift

[Zuhainy Zulkiffli](mailto:Zuhainy.Zulkiffli@hmetro.com.my)
am@hmetro.com.my



(kiri) Tangkap layar video tular ketika forklift melanggar wanita terbabit. (kanan) PASUKAN APM Daerah Barat Daya membantu memberi rawatan awal kepada wanita warga emas berusia 75 tahun, yang digilis forklift. FOTO IHSAN APM

Bayan Lepas: Wanita warga emas kehilangan kedua-dua belah kaki selepas digilis trak angkat susun (forklift) dalam kejadian di Kompleks MASKargo, di sini, hari ini.

Dalam kejadian itu, mangsa, Jami @Jumi Shariff, 75, dihantar ke Hospital Pulau Pinang (HPP) bagi mendapatkan rawatan lanjut.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Daerah Barat Daya, Leftenan (PA) Noor Azizan Zakaria berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 12.16 tengahari.

Katanya, empat anggota bergegas ke tempat kejadian sebaik menerima panggilan.

"Kita mendapat maklumat mengenai kejadian itu dan ketika tiba di lokasi didapati kedua-dua belah kaki mangsa yang berusia 75 tahun hancur digilis jentera berkenaan.

"Anggota pasukan kemudian memberi rawatan awal dengan membuat balutan dan memasang alat sokongan pada kaki mangsa," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Mengulas lanjut Noor Azizan berkata, ketika diberi rawatan, mangsa masih berada dalam keadaan sedar.

"Mangsa juga berada dalam keadaan stabil ketika dibawa ke hospital bagi mendapatkan rawatan lanjut," katanya lagi.

Terdahulu, video kejadian itu turut tular di media sosial dan mendapat perhatian warganet.

Video berdurasi 15 saat itu memaparkan mangsa yang sedang berjalan di kawasan kargo itu dilanggar trak angkat susun.

Difahamkan mangsa bekerja sebagai pekerja di bahagian pembersihan di kawasan itu tinggal di Sungai Burung, Balik Pulau, Pulau Pinang.

3. Beri alasan keluar ambil wang sebelum tinggalkan bayi

[Mary Victoria Dassam@hmetro.com.my](mailto:MaryVictoriaDassam@hmetro.com.my)



JKM mengesan ibu kandung atau waris seorang bayi lelaki. FOTO ihsan JKM

Johor Bahru: Seorang ibu memberi alasan mahu keluar mengambil wang bagi menjelaskan bil pusat bersalin sebelum meninggalkan bayi berusia tiga hari di sebuah pusat bersalin di Kluang.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Kluang Mohd Shazuwan Husnan Che Hamid berkata, bayi berkenaan dilahirkan pada 10 Januari lalu dan ibu kandungnya dikenali sebagai Nurul Asyiqin berusia 31 tahun.

Beliau berkata, pada 12 Januari lalu, wanita berkenaan memaklumkan pengurusan pusat bersalin berkenaan mahu keluar mengambil duit bagi menjelaskan kos perubatan.

"Wanita itu keluar pada 4.39 petang dan pihak klinik memberi tempoh masa kepada wanita bagi menuntut bayinya sebelum 3 petang pada 13 Januari.

"Malangnya wanita berkenaan menghilangkan diri dan gagal dihubungi pihak klinik," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Mohd Shazuwan berkata, semakan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Cawangan Kluang dilakukan bagi mengesan waris wanita berkenaan, namun gagal.

Katanya, usaha menjejaki ibu kandung bayi itu masih dijalankan dan bayi berkenaan ditempatkan di Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Johor Bahru untuk penempatan sementara mengikut Subseksyen 19 (2) Akta Kanak-Kanak 2001.

"Bayi berkenaan berusia sebulan 17 hari dan dinamakan sebagai Muhammad Faiz Fayyad.

"Orang ramai yang memiliki maklumat berkaitan waris mahupun ibu bayi berkenaan diminta menghubungi Pelindung Kanak-Kanak, Siti Zuraidah Juli di talian 07- 7722434," katanya.

4. 50,984 OKU berjaya dapat kerja



CYBERJAYA – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjaya menempatkan seramai 50,984 orang kurang upaya (OKU) ke alam pekerjaan sejak tahun 2020 sehingga Februari 2023.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, ketika Covid-19, seramai 4,439 OKU turut memperoleh pekerjaan melalui program-program yang dilaksanakan termasuk inisiatif dan insentif kerajaan.

“Sejak Januari 2022 sehingga 20 Februari 2023, PERKESO telah menganjurkan 4,565 temu duga secara bersemuka serta karnival kerjaya untuk pencari kerja dan majikan yang berdaftar bagi memudahkan proses pengambilan pekerja.

“Dalam pada itu, PERKESO juga sentiasa menitikberatkan mengenai OKU menerusi tawaran jawatan kosong yang bersesuaian daripada majikan.

“Bagi program khusus untuk OKU, sebanyak 66 program temu duga telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022, di samping program Disability Equality Training bagi meningkatkan tahap kesedaran majikan berhubung aspek penggajian OKU,” katanya hari ini.

Beliau berkata demikian pada sesi penyerahan Anugerah Zero Project bagi kategori ‘Innovative Solutions’ kepada Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz sebagai meraikan kejayaan pertubuhan itu yang menerima anugerah berkenaan di Vienna, Austria. – KOSMO! ONLINE